

JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2 (59)

16 September 2021

PEKELILING PELAJAR BIL. 14/2021

PROSEDUR PERGERAKAN PELAJAR MEMASUKI KAMPUS UTM JOHOR BAHRU DAN UTM KUALA LUMPUR MULAI 15 OKTOBER 2021

Sukacita dimaklumkan selari dengan pemakluman terkini daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 14 September 2021, pihak Universiti telah bersetuju untuk melaksanakan prosedur pergerakan pelajar memasuki kampus secara fizikal dan berfasa.

2.0 Sehubungan dengan itu, pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pergerakan Pelajar yang bermesyuarat pada 14 September 2021 telah bersetuju untuk melaksanakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pergerakan Pelajar Memasuki Kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang akan **berkuat kuasa mulai 15 Oktober 2021 sehingga pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.**

3.0 Berdasarkan Pekeliling Akademik Bil. 05/2021 bertarikh 08 September 2021, pihak Universiti melalui Jabatan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa telah mengeluarkan Pekeliling Akademik Bil. 05/2021 yang menyatakan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian bagi semua pelajar. Sehubungan dengan itu, kategori pelajar yang boleh diberi pertimbangan dan keutamaan untuk memasuki kampus adalah seperti berikut:-

- (i) Pelajar perlu menghadiri Latihan Industri di UTM.
- (ii) Pelajar yang mempunyai keperluan masuk kampus dengan ketetapan KPT yang memerlukan pertemuan fizikal (contoh: menduduki peperiksaan badan profesional bagi melengkapkan kursus bagi keperluan badan profesional seperti kaunseling, khemah ukur).
- (iii) Pelajar berstatus Tidak Selesai (TS), pelajar Pra-siswazah tahun akhir, pelajar Sarjana dan pelajar Doktorat kerana perlu menghadiri makmal.
- (iv) Pelajar Program Penyelidikan Pasca Siswazah dan berpenaja.
- (v) Pelajar kemasukan Semester I sesi 2020/21 (kemasukan mengikut Fakulti).
- (vi) Pelajar terjejas yang memerlukan ruang pembelajaran kondusif.
- (vii) Pelajar baharu kemasukan semester I sesi 2021/22.

4.0 **Prosedur kemasukan pelajar secara fizikal adalah seperti berikut:-**

- 4.1 Pelajar serta ibu bapa/waris yang menghantar pelajar yang telah lengkap vaksinasi sahaja boleh dibenarkan memasuki kampus iaitu:-
 - (i) 2 dos suntikan vaksin jenis Pfizer, Astrazeneca atau Sinovac selepas hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua;
 - (ii) 1 dos suntikan vaksin jenis Johnson & Johnson atau Cansino selepas hari ke-28 dari tarikh suntikan; dan
 - (iii) Risiko rendah yang direkodkan di aplikasi MySejahtera masing-masing.
- 4.2 Pelajar perlu memohon kemasukan melalui sistem UTMSmart serta mengisi *Health Declaration Form* (HDF). Sistem permohonan kemasukan akan mula dibuka mulai **5 Oktober 2021**.
- 4.3 Surat kelulusan kemasukan akan dikeluarkan sebagai dokumen perjalanan merentas negeri atau daerah.
- 4.4 Bagi pelajar-pelajar dari Sabah, Sarawak dan Labuan, prosedur kemasukan ke Semenanjung adalah berdasarkan prosedur Majlis Keselamatan Negara negeri masing-masing.
- 4.5 **Bagi pelajar antarabangsa prosedur kemasukan ke Malaysia adalah berdasarkan SOP yang ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).**
- 4.6 Mod pengangkutan yang dibenarkan adalah kenderaan sendiri, dihantar oleh ibu bapa/waris dan melalui penerbangan. **Pengangkutan awam tidak dibenarkan.**
- 4.7 Sebelum memasuki kampus, prosedur saringan kesihatan akan dilaksanakan di pintu masuk. Ini melibatkan pemeriksaan suhu badan, surat kebenaran masuk, sijil digital lengkap vaksinasi dan Imbas (*scan*) MySejahtera. Pelajar kemudian wajib menjalani ujian RTK Antigen Saliva Self-Test Kit di Pusat Saringan Covid-19 di lokasi yang akan ditentukan oleh pihak Universiti. Seterusnya pelajar dibenarkan memasuki kolej kediaman setelah keputusan ujian RTK Antigen Saliva Self-Test Kit yang disahkan Negatif oleh Pegawai Perubatan Universiti. Penempatan kolej adalah tertakluk kepada ketetapan pihak Kluster Hospitaliti, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

5.0 Pihak Universiti juga ingin merakamkan terima kasih kepada semua pelajar yang telah mematuhi SOP yang telah ditetapkan dan meneruskan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian. Sila ambil maklum, sebarang pelanggaran arahan ini boleh dikenakan tindakan disiplin oleh pihak Universiti. Jika terdapat kemusykilan boleh berhubung atau whatsapp di talian hotline HEPUTMJB iaitu 011-18687022 dan HEPUTMKL 017-2424122.

Arahan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan arahan daripada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**“Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”
“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Universiti Teknologi Malaysia

b.p. Naib Canselor

✉: shamsul@utm.my

s.k. : Naib Canselor

: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

: Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

: Pendaftar

: Pengarah, Bahagian Keselamatan

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

16 September 2021.